KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

# STATISTIK HARI INI
## oleh DOSM pada 3:00 petang

**8 OKTOBER 2025 | #218**

# LAPORAN SURVEI PENDAPATAN MALAYSIA 2024

## PENDAPATAN ISI RUMAH MALAYSIA, 2024

### TABURAN ISI RUMAH

**Bilangan Isi Rumah**



8.2 juta

7.9 juta

**Purata Saiz Isi Rumah**




**Purata Penerima Pendapatan**




1.8 orang

1.8 orang

### STRATA DAN KUMPULAN ETNIK

| | | Penengah CAGR | Purata CAGR |
|---|---|---|---|
| MALAYSIA | | RM7,017 5.1% | RM9,155 3.8% |
| Strata | Bandar | RM8,139 5.8% | RM10,145 3.7% |
| | Luar Bandar | RM4,588 5.7% | RM5,669 4.8% |
| Kumpulan Etnik | Bumiputera | RM6,559 6.2% | RM8,220 3.9% |
| | Cina | RM8,886 4.2% | RM11,494 3.8% |
| | India | RM7,934 9.0% | RM9,841 4.8% |
| | Lain-lain | RM5,040 7.5% | RM6,310 2.9% |

### KOMPOSISI MENGIKUT PUNCA PENDAPATAN



**Pekerjaan Bergaji**

RM5,757 | 62.9% RM5,327 | 62.8%



**Harta & Pelaburan**

RM1,069 | 11.7% RM1,039 | 12.3%



**Bekerja Sendiri**

RM1,357 | 14.8% RM1,288 | 15.2%




**Pindahan Semasa Diterima**

RM972 | 10.6% RM826 | 9.7%


### AGIHAN PENDAPATAN MENGIKUT KUMPULAN ISI RUMAH DESIL

**D1 - D4**
16.7%
16.1%

| Penengah | Purata |
|---|---|
| RM3,815 | RM3,814 |
| RM3,440 | RM3,401 |
| CAGR: 5.2% | CAGR: 5.7% |

**D5 - D8**
38.2%
37.6%

| Penengah | Purata |
|---|---|
| RM8,599 | RM8,744 |
| RM7,694 | RM7,971 |
| CAGR: 5.6% | CAGR: 4.6% |




**D9 - D10**
45.1%
46.3%

| Penengah | Purata |
|---|---|
| RM16,517 | RM20,662 |
| RM15,867 | RM19,652 |
| CAGR: 2.0% | CAGR: 2.5% |

**Klasifikasi:**

**D1 - D4** : D1, D2, D3, D4
**D5 - D8** : D5, D6, D7, D8
**D9 - D10** : D9, D10

2024
2022

Nota:
1.Data adalah berdasarkan kepada isi rumah warganegara Malaysia
2.CAGR: Kadar Pertumbuhan Tahunan Dikompaun
3.D: Desil

**Sumber : Survei Pendapatan Isi Rumah 2024, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)**

# Pendapatan penengah isi rumah Malaysia meningkat dengan kadar 5.1 peratus (RM7,017) pada tahun 2024

**Pendapatan isi rumah kasar**

- Pendapatan penengah isi rumah Malaysia mencapai RM7,017 pada 2024, meningkat 5.1 peratus setahun.

- Pendapatan isi rumah purata pula meningkat kepada RM9,155 iaitu dengan kadar pertumbuhan 3.8 peratus.

- Angka ini mewakili purata saiz isi rumah seramai 3.7 orang dengan 1.8 penerima pendapatan, termasuk pekerjaan bergaji, bekerja sendiri, pendapatan dari harta dan pelaburan serta pemindahan semasa yang diterima.

**Pendapatan isi rumah kasar mengikut strata**

- Pendapatan penengah isi rumah di bandar mencatatkan peningkatan sebanyak 5.8 peratus daripada RM7,243 pada 2022 kepada RM8,139 pada 2024. Begitu juga, pendapatan penengah isi rumah di kawasan luar bandar meningkat pada kadar 5.7 peratus daripada RM4,094 kepada RM4,588.

- Pendapatan isi rumah purata di bandar pula merekodkan peningkatan kadar pertumbuhan 3.7 peratus daripada RM9,428 (2022) kepada RM10,145 (2024). Sementara itu, pendapatan isi rumah purata di luar bandar adalah RM5,669 berbanding RM5,147 (2022) dengan kadar pertumbuhan 4.8 peratus.

**Pendapatan isi rumah kasar mengikut negeri**

- W.P. Kuala Lumpur merekodkan pendapatan isi rumah bulanan penengah tertinggi iaitu RM10,805, diikuti oleh W.P. Putrajaya (RM10,769), Selangor (RM10,726), Johor (RM7,712), Pulau Pinang (RM7,386) dan W.P. Labuan (RM7,383)

- Bagi pendapatan isi rumah purata bulanan pula W.P. Kuala Lumpur merekodkan pendapatan isi rumah bulanan purata tertinggi iaitu RM13,985, diikuti W.P. Putrajaya (RM13,846), Selangor (RM13,296) dan Johor (RM9,484).